

Syarat & Peraturan Peraduan	
Penganjur & Kelayakan	
1	Peraduan NESCAFÉ LATTE Mesej & Menang eksklusif di GIANT [“Peraduan] dianjurkan oleh Nestlé Products Sdn. Bhd. [45229-H] [“Penganjur”] dan dibuka kepada semua penduduk sah Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada 27/07/2017 [setiap seorang dan secara kolektif “Peserta”]. Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti dan untuk tujuan mengesahkan identiti Peserta.
2	Individu berikut tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:
[a]	Kakitangan Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya] dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka)]; dan/atau
[b]	Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau promosi Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitan masing-masing] dan ahli keluarga terdekat mereka [suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik (dan suami/isteri mereka)].
3.	Penganjur berhak untuk mengecualikan dan/atau membatalkan kelayakan Peserta yang tidak termasuk dalam kategori Peserta dan/atau yang melanggar Syarat dan Peraturan Peraduan.

Tempoh dan Kaedah Penyertaan	
1	Peraduan akan diadakan dari 27/07/2017 hingga 07/09/2017 [“Tempoh Peraduan”]. Penganjur berhak secara mutlak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Peraduan dan/atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

Kriteria Kelayakan dan Penghantaran Penyertaan melalui Aplikasi WhatsApp atau MMS	
1	Untuk menyertai Peraduan ini, beli sekurang-kurangnya satu [1] atau sehingga maksimum dua puluh empat [24] daripada mana-mana produk NESCAFÉ LATTE yang ditunjukkan pada poster Peraduan [“Produk”] dalam satu resit bercetak dari mana-mana pasar raya GIANT di Semenanjung Malaysia yang turut serta sepanjang Tempoh Peraduan. <i>Nota: Tertakluk kepada semua variasi NESCAFÉ LATTE (Caramel/Mocha/Coconut/Hazelnut), tidak termasuk NESCAFÉ LATTE Caramel 5 stik pek.</i>
2	Dapatkan satu resit bercetak yang asal sebagai bukti pembelian Produk dan tulis pada resit bercetak asal butir-butir yang dikehendaki iaitu nama penuh anda, nombor pengenalan dan tandakan Produk dan jumlah pembelian [“BP”].
3	Tangkap satu [1] gambar BP. Gambar mesti menunjukkan dengan jelas nama pasar raya, tarikh pembelian (dalam Tempoh Peraduan), pembelian produk NESCAFÉ LATTE yang turut serta dan jumlah pembelian. Hantar gambar melalui WhatsApp atau MMS ke 013-2322168 [“Penyertaan”]. Penganjur TIDAK AKAN menghantar laporan perakuan untuk Penyertaan yang diterima. Peserta MESTI menyimpan BP asal kerana Penganjur berhak untuk meminta BP asal bagi mengesahkan pembelian Produk. Kegagalan untuk menunjukkan BP asal akan mengakibatkan pembatalan kelayakan dan/atau hadiah. Salinan fotostat BP tidak akan diterima.
4	Setiap BP layak untuk satu [1] Penyertaan sahaja. Penyertaan yang disertakan dengan butir-butir tidak lengkap, tidak boleh dibaca dan/atau tidak tepat dan tidak betul, gambar BP salinan dan/atau tidak jelas akan dibatalkan. Setiap Peserta dikenal pasti melalui nombor pengenalan mereka dan BP unik yang dihantar dalam Penyertaan.
5	Penganjur juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemotongan, kerosakan, kelewatan, kegagalan operasi atau transmisi, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau perubahan komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telefon, laman

web, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem, peranti, perisian, kegagalan e-mel atau penerimaan penyertaan disebabkan oleh masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di internet atau perkhidmatan telekomunikasi.
--

Hadiah & Proses Pemilihan Pemenang	
1	Terdapat tiga [3] Hadiah Utama dan empat puluh [40] Hadiah Sagu Hati untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
2	Semua Penyertaan lengkap dengan butir-butir dikehendaki dan BP yang diterima setiap hari oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan, jika diluluskan oleh Penganjur, akan diberi nombor bersiri menurut BP yang dikemukakan. Bagi setiap satu [1] produk NESCAFÉ LATTE yang dibeli dalam BP, Penyertaan layak akan diperuntukkan satu [1] nombor bersiri hingga maksimum dua puluh empat [24] nombor bersiri setiap satu [setiap satu dan secara kolektif “Penyertaan Layak”].
3	Nombor bersiri yang diperuntukkan untuk semua Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan: <ul style="list-style-type: none"> • tiga [3] untuk mendapatkan tiga [3] nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. • empat puluh [40] untuk mendapatkan empat puluh [40] nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Sagu Hati. <p>Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.</p> <p><u>Sebagai contoh:</u></p> <p><u>Hadiah Utama:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 1033, maka 1033 akan dibahagikan dengan 3, yang bersamaan dengan 344.3, yang seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 344. Nombor pengganti dalam kes ini ialah 344. Peserta yang ditetapkan dengan gandaan 344 iaitu 344, 688 dan 1032 akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Utama.</p> <p><u>Hadiah Sagu Hati:</u> Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 1033, maka 1033 akan dibahagikan dengan 40, yang bersamaan dengan 25.8, yang seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 25. Nombor pengganti dalam kes ini ialah 25. Seramai enam puluh [60] Peserta yang ditetapkan dengan gandaan 25 iaitu 25, 50, 75, 100, 125 dan seterusnya akan diisytiharkan sebagai Pemenang Hadiah Sagu Hati.</p>
4	Setiap nombor bersiri kemenangan Hadiah Utama akan memenangi sebuah Vespa 125ABS OTR bernilai Ringgit Malaysia Dua Belas Ribu [RM12,000].
5	Setiap nombor bersiri kemenangan Hadiah Sagu Hati akan memenangi penyertaan dalam Cabaran “Giant Supermarket Sweep” untuk produk NESTLÉ [“Cabaran”] bernilai Ringgit Malaysia Lima Ratus [RM500]. Penganjur akan memaklumkan tempat, tarikh dan masa Cabaran kepada Pemenang.
6	Penyertaan Pemenang Hadiah Sagu Hati dalam Cabaran akan tertakluk kepada terma dan syarat selanjutnya yang akan dimaklumkan dan diumumkan oleh Penganjur kepada pemenang pada hari Cabaran.
7	Peserta hanya boleh memenangi satu [1] Hadiah dengan nilai paling tinggi sepanjang Tempoh Peraduan. Jika Peserta memenangi dua [2] atau lebih Hadiah dengan nilai yang berlainan, bermakna Peserta secara automatik akan memenangi Hadiah bernilai lebih tinggi dan Hadiah bernilai lebih rendah akan dimenangi oleh nombor bersiri selepas nombor bersiri Pemenang berulang.

Liabiliti dan Tanggungjawab	
1	Semua Pemenang akan menerima pemberitahuan melalui pos atau SMS. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya pemberitahuan pos tidak diterima atau lewat diterima oleh Pemenang. Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan oleh pihak yang mengatur dan/atau menyediakan semua Hadiah dan juga terma dan syarat yang disertakan bersama semua Hadiah berkenaan, jika ada. Senarai pemenang akan diumumkan di laman web Penganjur [www.dearnestle.com.my/contest/nescafelattegiant].

2	Pemenang dan/atau waris mereka hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
3	Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau perbelanjaan lain yang berkaitan untuk Peraduan dan untuk menebus Hadiah adalah tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.

Hak Penganjur

1	Penganjur berhak atas budi bicara mutlaknya untuk menyemak dan mengubah proses pemilihan Pemenang Hadiah yang terkandung di dalam ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Keputusan pengadil adalah muktamad dan tiada surat-menyurat akan dilayan selepas itu.
2	Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, menggantikan mana-mana Hadiah dengan hadiah lain yang senilai dengannya, pada bila-bila masa, tanpa memberi notis terlebih dahulu. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan semua hadiah diberikan dalam 'keadaan sedia ada' dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai, kredit, barangan lain atau baucar, sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya.
3	Dengan menyertai Peraduan ini, semua Peserta bersetuju dan memperakui bahawa semua hak milik intelektual padanya menjadi milik Penganjur dan setiap Peserta membenarkan Penganjur mengumpul, menggunakan, memproses dan/atau mendedahkan mana-mana dan semua maklumat peribadi Peserta termasuk tanpa terhad kepada nama, gambar atau imej Peserta untuk tujuan Peraduan, termasuk aktiviti pengiklanan, publisiti, pemasaran dan promosi yang dijalankan dengan cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur, dalam mana-mana media dan tanpa pampasan, pemberitahuan atau kebenaran tambahan, dan sebarang aktiviti sampingan lain yang berkaitan dengan Peraduan. Peserta tidak berhak membuat tuntutan pemilikan atau mendapat sebarang bentuk pampasan untuk bahan tersebut.

Notis Privasi

1.	Dengan menyertai Peraduan, anda telah bersetuju Nestlé Products Sdn. Bhd. dan mana-mana syarikat pegangan, subsidiari atau berkaitannya sebagaimana yang ditakrifkan dalam Akta Syarikat 1965 ("Kumpulan Nestlé Malaysia") dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada kami dan bertindak bagi pihak kami ("Pihak-Pihak Ketiga Lantikan") (secara kolektif "Penganjur" atau "kami") untuk memproses maklumat peribadi anda yang dikemukakan dalam borang penyertaan bagi tujuan Peraduan. Ini termasuk mendedahkan nama anda kepada masyarakat umum apabila anda menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara kami dengan menerbitkan nama, gambar dan maklumat peribadi lain anda tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
2.	Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi anda bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk kami, perkhidmatan, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Sila nyatakan pilihan anda pada borang sekiranya anda bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadi anda bagi tujuan ini.
3.	Sekiranya anda bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang anda berhasrat untuk merujuk kepada Penganjur, anda mengakui bahawa anda telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada kami dan untuk dihubungi oleh kami.

4.	Berkenaan dengan golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, anda mengesahkan bahawa mereka telah melantik anda untuk bertindak bagi pihak mereka dan untuk bersetuju bagi pihak mereka kepada pemprosesan maklumat peribadi mereka selaras dengan Notis Privasi ini.
5.	Pada masa tertentu Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Ketiga Lantikan untuk memproses maklumat peribadi anda. Semua Pihak-Pihak Ketiga Lantikan adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi anda dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di sini dan dalam Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
6.	Pihak Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi anda mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data anda hanya akan dipindahkan ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy .
7.	Setakat mana undang-undang terpakai membenarkan, anda mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan, data peribadi anda yang disimpan oleh kami. Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada: Nestlé Products Sdn. Bhd., 22-1, Tingkat 22, Menara Surian, No. 1, Jalan PJU 7/3, Mutiara Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor. Atau Borang Web : https://www.nestle.com.my/contactus . Atau Hubungi kami : 1-800-88-3433.
8.	Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Peraduan, dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.
9.	Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi kami, sila rujuk kepada Dasar Privasi kami di http://www.nestle.com.my/info/privacy_policy . Kami berhak untuk mengemaskini dan meminda Notis Privasi ini atau Dasar Privasi kami dari semasa ke semasa.

Terma dan Syarat	
1	Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada borang penyertaan Peraduan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza daripada barangan sebenar. Harga yang ditunjukkan adalah betul pada tarikh percetakan.
2	Syarat dan Peraturan Peraduan disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat ketidakseragaman antara mana-mana versi Syarat dan Peraturan Peraduan, versi Bahasa Inggeris yang dipaparkan di laman web Penganjur hendaklah diguna pakai.
3	Syarat dan Peraturan Peraduan dan kaedah penyertaan Peraduan boleh dipinda dari masa ke masa dan akan diguna pakai berbanding sebarang peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain bagi Peraduan. Peserta amat dinasihatkan supaya melayari laman web Penganjur dari masa ke masa untuk memastikan mereka menyedari sebarang perkembangan dan perubahan yang dibuat.
4	Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan terikat kepada Syarat dan Peraturan, dan keputusan Penganjur, serta semua terma dan syarat yang dikenakan oleh pihak ketiga yang mengendalikan penggunaan hadiah.